

02 NOV 2000

Lifa-Pamer

BEBERAPA KARYA UNIK DIPAMER SABTU INI

LANGKAWI, 2 Nov (Bernama) -- Beberapa karya unik yang berlatarkan unsur-unsur alam semulajadi di Langkawi akan dapat disaksikan sempena perasmian Muzium dan Pusat Kebudayaan Ibrahim Hussein (IHMCF) oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sabtu ini.

Kesemua karya itu dihasilkan oleh karyawan seni pelbagai disiplin dalam dan luar negeri yang menyertai Festival Kesenian Antarabangsa Langkawi (Lifa 2000) selama 10 hari yang masuk hari kelapan hari ini.

Beberapa pelukis dan artis negara dari pelbagai disiplin kini bertungkus-lumus menyiapkan karya masing-masing untuk dipamerkan di IHMCF di Teluk Datai di sini.

Ada yang berkarya menggunakan tuala terpakai hotel, himpunan barangan terpakai yang dipungut di tepi pantai seperti kulit siput, selipar buruk, buah nipah, tin minuman, tempurung kelapa, tikar getah, kayu pokok seraya dan kanvas.

Karyawan Malaysia Ahmad Fuad Osman, 31, dari Kumpulan Matahati sedang menyiapkan rangkaian karya yang menyentuh kehidupan dan kematian manusia yang dicurahkan pada tuala terpakai menggantikan kanvas.

"Tuala adalah satu metafora memandangkan ia telah digunakan oleh pelbagai warna kulit manusia di hotel-hotel di Langkawi dan amat sesuai dengan tema karya saya yang menyentuh soal kehidupan," katanya.

Beliau turut menggunakan kopi dan bir bagi mendapatkan warna latar pada karyanya yang dilakarkan dengan peta pulau peranginan selain gambar seorang tua dan cucunya.

Ahmad Fuad yang berasal dari Baling turut menggunakan bahan terbuang yang dikutip dari tepi pantai seperti tali buruk, selipar buruk, tin minuman kemek dan ranting pokok yang digubah begitu teliti bagi menggambarkan konsep kehidupan.

Mohd Faizal Ramli, 29, pula sibuk menyiapkan arca tiga dimensi menggunakan kayu dari pokok seraya dan gabungan bahan lain termasuk batu bagi menggambarkan tabiat dan kejadian semula jadi manusia.

Pensyarah sambilan itu menggabungkan bahan semula jadi yang mudah diperolehi di pulau ini seperti batu dan ranting untuk menyiapkan karyanya yang belum diberi nama itu.

"Saya kerap menggunakan kayu cengal dalam karya kerana mudah dipahat mengikut kehendak saya tetapi dengan penggunaan kayu pokok seraya ia banyak mengajar saya mengenai sifat manusia seperti seseorang yang berhati batu", tambahnya.

Katanya kayu seraya agak sukar dipahat mengikut kehendak beliau kerana ia agak berserabut.

Bagi Wong Chee Meng, beliau menggunakan kanvas yang dibentuk sendiri menjadi sebuah khemah selain menggunakan tikar getah bagi menghasilkan karya bertajuk "First Impression".

Wong, 25, yang pernah mempamerkan karya seninya di Macao pada 1997 dan Czechoslovakia dua tahun lepas merakamkan lukisan mengenai tanggapan pertamanya terhadap Langkawi terutama mengenai alam sekitar pada kanvas berbentuk khemah.

Mereka juga bersependapat bahawa Lifa merupakan satu medan pertemuan terbaik bagi mempertemukan pelukis dan karyawan dari pelbagai disiplin untuk berinteraksi selain membolehkan orang ramai mengetahui perkembangan hasil karyawan seni pada masa ini

-- BERNAMA

NH NMO